



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

# **KERATAN AKHBAR 2 OKTOBER 2017**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# ISU : TVET

Bil	Tarikh/ Hari	Akhbar & Tajuk Berita	Ruang/ Muka Surat	Pihak Terlibat
1.	02.10.2017 Isnin	<b>UTUSAN MALAYSIA</b> TVET Malaysia pacu ekonomi negara	Helo Kampus 21	KSM

ISNIN 02.10.17
UTUSAN MALAYSIA

## TVET Malaysia pacu ekonomi negara

**Oleh MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK**  
kampus@utusan.com.my

**INISIATIF** untuk mentransformasikan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di negara ini berupaya meningkatkan daya saing tenaga kerja mahir tempatan serta ekonomi negara.

TVET Malaysia yang dilancarkan di Pusat Latihan Teknologi Tinggi (Adtec) Shah Alam, Selangor oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini menggariskan beberapa inisiatif untuk mentransformasikan TVET sebagai pilihan utama dalam kerjaya yang cemerlang dalam pendidikan kemahiran negara.

Bertemakan *Memperkas Rakyat Memajukan Negara*, ia memacu akses kepada latihan dan pembelajaran sepanjang hayat selari dengan hasrat menjadikan Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi.

Perlaksanaan penjenamaan TVET Malaysia menjadi pemangkin kepada program pendidikan kemahiran dibawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NDBS) yang melibatkan tujuh kementerian iaitu Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Pendidikan.

Selain itu, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Kewangan Luar Bandar dan Wilayah, serta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Bersempena dengan penjenamaan semula TVET Malaysia, pelbagai program turut diadakan antaranya sesi Dialog Transformasi Nasional 2050 (TN50) dan Pameran Industri TVET 4.0.

Majlis pelancaran itu turut memberi pengiktirafan kepada 16 Ikon TVET iaitu alumni daripada institusi TVET yang telah berjaya dalam kerjaya dan perniagaan masing-masing.

NAJIB TUN RAZAK (tengah) sambil diperhatikan oleh Richard Riot (lima dari kiri) beramah mesra dengan penerima-penerima Ikon TVET Malaysia.

“Menjelang 2030, kerajaan menyangkakan peratusan pekerja mahir mencapai 45 peratus, memiliki 20,000 tenaga pengajar vokasional dan 4,000 tenaga pakar TVET menjelang 2025,” katanya.

Yang turut hadir, Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Richard Riot, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh dan Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid.

Dalam pada itu, menerusi langkah kedua pula, kata Perdana Menteri akan memperkukuh dan memperhebatkan lagi kerjasama strategik awam-industri.

Langkah itu akan membentuk sinergi ke arah meningkatkan tenaga kerja berkemahiran.

“Kerjasama strategik itu boleh direalisasikan melalui pelbagai bentuk antaranya seperti industri, menyumbangkan kepakaran atau mesin, dan peralatan dalam melatih tenaga kerja mahir dalam bidang-bidang tertentu yang amat diperlukan industri,” ujarnya.

Najib menambah, bagi langkah ketiga pula kerajaan memberi fokus melahirkan lulusan TVET dalam bidang perniagaan dan teknosahawan dalam mewujudkan peluang pekerjaan tetapi menjadi ikon kepada tenaga kerja tempatan selain berkebolehan bersaing pada peringkat antarabangsa.

Selain itu, Najib berkata, bagi melaksanakan program geran padanan, kerajaan telah memperuntuk RM20 juta dalam Bajet 2017, yang mana peruntukan kewangan diberikan pada nilai yang setara dengan nilai sumbangan diterima daripada pihak industri melibatkan program-program TVET berimpak tinggi.

“Lonjakan kelima membenarkan institusi TVET melalui TVET Malaysia yang mana menyaksikan kesemua institusi TVET dibawah pelbagai kementerian bekerjasama bagi melatih anak-anak muda untuk menjadi tenaga kerja teknikal yang berkemahiran tinggi,” katanya.

**PEMENANG-PEMENANG** Pertandingan Robotik yang diadakan sempena pelancaran TVET Malaysia di ADTEC di Shah Alam, Selangor, baru-baru ini.

Majlis itu turut menyaksikan pertukaran memorandum persefahaman (MoU) antara Kementerian Sumber Manusia dengan Universiti Limkokwing, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (Perhebat), Pasukan Gerakan Udara Polis Diraja Malaysia dan Johor Skills Sdn. Bhd.

Selain itu, MoU itu turut melibatkan Penang Skills Development Centre, Technology Depository Agency Berhad dan Yamatake Engineering Sdn. Bhd.

Sementara itu, Najib ketika berucap memisahkan penjenamaan semula TVET Malaysia berkata, melalui langkah pertama, kerajaan akan melatih serta meningkatkan tenaga mahir tempatan secara berturutan dari 28 peratus kepada 35 peratus menjelang 2020 agar ia lebih menjadi kompetitif, berpeluang memiliki pekerjaan dan memperoleh pendapatan lumayan.

“Dibawah lonjakan itu, kerajaan merancang untuk melatih sehingga 300,000 rakyat Malaysia daripada golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40) mulai tahun ini hingga 2025 sebagai lonjakan kedua

RICHARD RIOT (kiri) menunjukkan syazam kepada penerima-penerima Ikon TVET Malaysia sempena pelancaran TVET Malaysia.